

KAEDAH PENYELIDIKAN ISLAM BERSEPADU: PENCARIAN KEBENARAN DAN KEBERKATAN ILMU

INTEGRATED ISLAMIC RESEARCH METHODS: THE PURSUIT OF TRUTH AND BLESSING OF KNOWLEDGE

Noor Hisham Md Nawi¹
Burhan Che Daud²

¹Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantana (UMK), Malaysia, (E-mail: hisham@umk.edu.my)

² Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantana (UMK), Malaysia, (Email: burhan@umk.edu.my)

Accepted date: 25 Novemeber 2018

Published date: 14 April 2019

To cite this document: Noor Hisham, Burhan (2019). Kaedah Penyelidikan Islam Bersepadu: Pencarian Kebenaran Dan Keberkatan Ilmu. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 4(19), 84-96.

Abstrak: *Penyelidikan adalah satu wasilah untuk mencari kebenaran. Pencarian kebenaran melalui penyelidikan dipengaruhi oleh epistemologi penyelidik kerana setiap pengkaji membawa bersamanya pandangan alam atau falsafah tertentu terhadap ilmu. Pada masa kini, budaya keserjanaan arus perdana dipengaruhi faham sekularisme dan dualisme yang meletakkan asas pertimbangan kepada untung-rugi atau kenaikan pangkat; bukannya nilai dan keberkatan ilmu yang memberi manfaat kepada kemajuan ummah. Penyelidik muslim seharusnya mempunyai kaedah penyelidikan tersendiri bagi kesemua disiplin ilmu (sains wahyu, sains tabii, sains sosial dan kemanusiaan) yang mematuhi prinsip ontologi dan epistemologi dalam Islam. Kaedah penyelidikan inilah yang dinamakan sebagai penyelidikan Islam bersepadu yang akan membantu penyelidik mencari kebenaran dan solusi permasalahan umat menurut neraca pandangan alam Islam. Kaedah ini juga akan memimpin penyelidikan untuk mencari kebenaran sejati dan menghasilkan korpus ilmu baharu yang membawa kesejahteraan kepada bangsa manusia dan alam keseluruhannya. Penulisan ini adalah perkongsian amalan penyelidikan yang sedang diusahakan oleh Jabatan Sains Kemanusiaan, Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan.*

Kata Kunci: *Penyelidikan Islam, Kebenaran, Keberkatan, Pandangan Alam*

Abstract: *The essence of research is the pursuit of truth. Researchers are typically influenced by the researchers' epistemology for the search of knowledge. At present, the mainstream scholarship culture is influenced by the secularism and dualism that puts the basis of consideration on profit-loss or promotion; not the value and blessing that benefits to the*

ummah. Muslim researchers should have their own research methodology for all disciplines (science of revelation, natural science, social sciences and humanities) that adhere to the principle of ontology and epistemology in Islam. The integrated Islamic research, as it is called, asks researchers to investigate the truth and provide solutions according to the Islamic worldview. It is envisaged that the research method will investigate the real truth and produce a new corpus of knowledge that benefits to all mankind and the universe as a whole. This sharing is a part of the research activities conducted by the Department of Humanities, Centre for Language Studies and Generic Development, Universiti Malaysia Kelantan.

Keywords: *Islamic Research, Truth, Blessing, Worldview*

Pengenalan

Penyelidikan adalah satu wasilah untuk mencari kebenaran. Islam sebagai satu cara hidup yang sempurna pasti tidak akan membiarkan sahaja aspek penyelidikan untuk mencari kebenaran tanpa sebarang pedoman dan panduan. Tekuni pedoman wahyu dalam hal ini umpamanya ayat dalam Surah Sad (38):29, Surah Ra'd (13):3 dan Surah al-Jathiyah (45):13. Kesemua ayat tersebut menggesa manusia agar menggunakan akal fikiran dan pemerhatian serta meneliti pedoman wahyu yang diturunkan untuk mencari kebenaran dalam kehidupan. Satu persoalan penting yang perlu diulang-ulang ialah bagaimana sepatutnya seorang Muslim melaksanakan penyelidikan dalam pelbagai bidang ilmu?

Penyelidikan Dan Hubungannya Dengan Pandangan Alam

Ditegaskan sekali lagi penyelidikan yang sifatnya mencari kebenaran tidak boleh dipisahkan dari Islam sebagai satu cara hidup yang sempurna. Pada waktu yang sama, setiap orang, kepercayaan, bangsa, kebudayaan dan peradaban mempunyai tasawur atau pandangan alam masing-masing. Menurut Mohd Syukri Hanapi dalam Wan Norhaniza (2014), tasawur bermaksud tanggapan, gambaran, persepsi atau cara pandang terhadap segala sesuatu. Ini bermakna pandangan sesuatu bangsa atau individu terhadap sesuatu perkara adalah berbeza antara satu sama lain khususnya yang melibatkan konsep yang abstrak. Justeru, perkara yang paling asas dalam penyelidikan Islam ialah menjadikan kerangka penyelidikan sentiasa bertepatan dengan pandangan alam Islam. Pandangan alam Islam sangat penting untuk menyelaraskan semua aktiviti penyelidikan agar penyelidik tidak terkeluar dari orbit syariah.

Penyelidik Muslim yang komited akan sentiasa melaksanakan penyelidikan dalam kerangka pandangan alam Islam. Kerangka inilah yang akan mengawal apa, kenapa dan bagaimana seseorang Muslim melaksanakan penyelidikannya. Dengan cara ini, keseluruhan kegiatan penyelidikan tidak akan terputus dari visi dan misi penciptaannya sebagai hamba Allah dan khalifah-Nya di muka bumi. Kemuncak aktiviti tersebut adalah untuk mencari keredhaan Allah, menyelesaikan masalah dan memberi manfaat kepada diri sendiri serta orang lain. Dengan cara ini, penyelidik Muslim akan berupaya membina budaya pemikiran tinggi berpaksikan paradigma tauhid yang menyatukan seluruh pengetahuan manusia secara harmoni.

Untuk membuktikan penyelidik tidak akan mampu memisahkan dirinya dari konsep pandangan alam, sila lihat perkaitan antara penyelidik dan metode, metodologi dan epistemologi. Metode adalah suatu prosedur untuk mengetahui sesuatu yang mempunyai langkah-langkah yang sistematik. Metodologi pula adalah ilmu tentang metode atau ilmu

yang mempelajari prosedur atau cara-cara mengetahui sesuatu. Satu aspek yang sering diabaikan dalam penyelidikan adalah epistemologi. Epistemologi adalah suatu ilmu yang membincangkan mengenai hakikat, sumber dan kebenaran ilmu. Dari segi urutannya, penyelidikan bermula dari aspek epistemologi, diikuti dengan metodologi dan berakhir dengan metode. Ini bermakna setiap metode dan strategi penyelidikan yang digunakan akan sentiasa berkait dengan andaian ontologi dan epistemologi penyelidik.

Memahami perkara di atas, setiap pengkaji membawa bersamanya pandangan alam atau falsafah tertentu terhadap ilmu. Epistemologi yang berbeza menghasilkan penyelidikan yang berbeza. Walau bagaimanapun, ramai penyelidik tidak menyedari epistemologi yang dianutinya. Dalam konteks disiplin pengajian Islam sebagai contoh, strategi penyelidikan pihak orientalis Barat dan penyelidik Muslim adalah berbeza kerana andaian ontologi dan epistemologi ilmu mereka tidak sama. Menurut Hamid Fahmy (2012), para orientalis Barat yang dipengaruhi dengan pelbagai aliran seperti empirisisme, rasionalisme dan dualisme melihat Islam sebagai satu disiplin ilmu yang tersendiri berdasarkan fakta objektif, rasional dan bukti empirikal. Mereka menolak sumber intuitif dan wahyu yang bersifat metafizik. Oleh itu, mereka tidak melihat al-Quran sebagai wahyu dari Tuhan tetapi produk budaya atau interpretasi Nabi Muhammad SAW terhadap wahyu Tuhan. Dalam konteks bidang sains sosial pula, terdapat beberapa strategi penyelidikan yang berkait rapat dengan aliran epistemologi dan andaian ontologi seperti induktif positivisme, deduktif kritikal rasionalisme, retroduktif saintifik realisme dan abduktif interpretivisme. Kesemua aliran tersebut tidak sama dengan ontologi dan epistemologi Islam yang bersumberkan wahyu.

Permasalahan

Sebahagian besar penyelidikan yang dilakukan khususnya dalam bidang sains sosial dan kemanusiaan menggunakan metodologi penyelidikan lazim yang berasaskan epistemologi Barat. Epistemologi Barat tidak mengiktiraf wahyu sebagai salah satu dari sumber ilmu yang sah. Kebanyakan penyelidik muslim juga menggunakan indikator dari Barat dalam menentukan kualiti pencapaian sesuatu penyelidikan. Kaedah penyelidikan lazim yang diwarisi sejak zaman-berzaman ini dianggap paling berautoriti dalam dunia akademik. Penyelidikan lazim inilah yang menghasilkan ilmu kontemporari yang bersifat eurosentrik dan tidak memberi manfaat yang besar kepada kebangkitan peradaban Islam yang baharu.

Dari satu sisi yang lain, penyelidikan dalam bidang keagamaan menggunakan kaedah turath yang diiktiraf oleh ulama muktabar. Penyelidikan dalam bidang ini pada asasnya banyak merujuk kepada sumber al-Quran, hadis dan ijtihad serta pandangan para ulama (terdahulu dan kontemporari). Kaedah penyelidikannya berbeza mengikut disiplin ilmu masing-masing kerana setiapnya mempunyai kaedah yang tersendiri seperti bidang pengajian al-Quran, hadis, fiqh dan lain-lain. Kaedah penyelidikan lazim Barat khususnya dalam bidang sains sosial membantu dalam menganalisis interaksi sosial dalam realiti masyarakat semasa. Manakala kaedah penyelidikan pengajian Islam memberi perhatian kepada pemahaman teks wahyu untuk membimbing perilaku individu dan mengatur semula interaksi sosial. Kedua-dua kaedah ini dilihat tidak berkesinambungan dan tidak saling mengukuhkan bahkan berpotensi untuk menjadikan umat Islam lebih keliru.

Dalam bidang pengajian ilmu kontemporari, konsep penyelidikan lazim telah menjadikan konsep saintifik sebagai suatu kaedah penyelidikan sejagat. Barat telah mencanangkan bahawa sesuatu bidang ilmu yang ingin mencapai kesejagatan dan diterima masyarakat global mesti menggunakan pendekatan saintifik menurut kerangka epistemologi mereka. Malahan

Barat telah memaksa konsep penyelidikan saintifik yang digunakan dalam disiplin sains tabii ke dalam bidang sains sosial terutama selepas munculnya gerakan pendidikan progresif dan falsafah behaviorisme pada tahun 1930-an. Natiujahnya, manusia diperlakukan seperti haiwan. Tingkahlaku manusia disamakan dengan tingkahlaku haiwan dalam bilik-bilik makmal. Penyelidikan Barat juga secara jelas (seperti positivisme) menafikan kewujudan alam ghaib yang berasaskan dalil-dalil naqli.

Kaedah penyelidikan lazim tidak sempurna dan mengandungi pelbagai kelemahan. Kelemahan kaedah penyelidikan lazim telah pun disedari ramai pengkaji Muslim. Ramai tokoh cendekiawan Muslim telah mengajak para ilmuwan untuk sama-sama memikirkan semula konsep ilmu dan tatacara atau kaedah penyelidikan yang diamalkan pada hari ini. Antara mereka yang aktif menyatakan perkara tersebut adalah Louay Safi (1998), Ibrahim Ragab (1998, 1995, 2006), Muhammad Syukri Salleh (2008,2011), Mohd Syahmir Alias (2015), Mohd Syahmi Mohd Miswan (2013), Shahir Akram Hassan (2013) dan Wan Mohd Khairul Firdaus (2014).

Pada masa kini dalam suasana budaya kesarjanaan yang dipengaruhi faham ilmu sekular, sebahagian besar para ilmuwan khususnya pensyarah di IPT lebih cenderung untuk membina kerjaya yang terikat dengan neraca pengiktirafan kesarjanaan Barat. Mereka melaksanakan penyelidikan untuk memenuhi sasaran kerja tahunan (SKT) yang pertimbangannya berasaskan kenaikan pangkat atau wang ringgit; bukannya nilai ilmu, keberkatan atau kemanfaatannya kepada perkembangan agama dan ummah. Golongan intelektual muda pula begitu sibuk dengan penyelidikan empirikal yang hanya membincangkan faktor-faktor luaran yang bersifat kuantitatif. Kebanyakan kegiatan penyelidikan dalam kalangan penyelidik muslim tidak bersambungan dengan paradigma tauhid atau falsafah yang jelas.

Objektif

Tidak ada jalan keluar yang mudah untuk menangani krisis yang dinyatakan. Permasalahan tidak akan selesai selagi mana umat Islam masih menggunakan kerangka penyelidikan Barat yang menghasilkan ilmu kontemporari yang mengukuhkan lagi sistem pendidikan sekular atau dualis lebih-lebih lagi di peringkat pengajian tinggi. Untuk itu, penulisan ini berusaha untuk menawarkan beberapa cadangan ke arah pembinaan kaedah penyelidikan Islam bagi semua cabang ilmu. Penulisan ini juga bermatlamatkan agar penyelidik muslim turut sama memberi fokus untuk membina kaedah penyelidikan yang mematuhi pandangan alam Islam secara tepat untuk membina semula korpus ilmu baharu yang lebih sesuai dengan keperluan dan realiti umat Islam khususnya dan manusia sejagat amnya.

Konsep Asas Dalam Penyelidikan Islam

Usaha untuk membina konsep penyelidikan baharu yang mematuhi pandangan alam Islam bukanlah perkara baharu. Terdapat beberapa sarjana yang telah memberi definisi kepada kaedah penyelidikan Islam ini. Antaranya ialah Mohammad Anwar (1994) yang mendefinisikan kaedah penyelidikan Islam sebagai penyelidikan yang mencari jawapan kepada isu dan permasalahan berteraskan tiga sumber utama dalam Islam iaitu al-Quran, al-Sunah dan ijtihad. Fazlur Rehman Faridi (1994) pula mendefinisikan kaedah penyelidikan Islam sebagai penyelidikan saintifik yang berasaskan al-Quran dan al-Sunah. Beliau menambah kaedah penyelidikan berteraskan Islam seharusnya mempunyai empat ciri berikut; memperoleh ilmu pengetahuan, mencari kebenaran hakiki, mengenal Allah SWT dan memperkenalkan nilai-nilai kemanusiaan (akhlak).

Tujuan penyelidikan dalam Islam adalah untuk mencari kebenaran atau hakikat tentang sesuatu. Kebenaran tersebut bukan sekadar kebenaran yang bersifat saintifik tetapi juga kebenaran hakiki yang dipandu Ilahi (Mohammad Rafiuddin 1999). Kebenaran hakiki mengandungi empat unsur penting iaitu kebenaran, kebijaksanaan, keindahan dan prinsip kebergunaan. Keempat-empat unsur ini perlu dilihat dalam hubungannya dengan prinsip tauhid. Keempat-empat unsur tersebut perlu dilihat secara koheren dan saling melengkapi antara satu sama lain.

Kaedah penyelidikan Islam meyakini bahawa kebenaran itu pada hakikatnya bersifat objektif, sejagat dan terpakai kepada seluruh umat manusia. Ini kerana secara ontologi dan epistemologi, kebenaran itu semuanya bersumber dari Tuhan yang Maha Benar. Justeru, kaedah penyelidikan dalam Islam boleh menggabungkan kesemua sumber-sumber ilmu samada pancaindera, akal, intuisi, ilham dan wahyu secara sistematik. Bahkan dengan mengiktiraf hakikat tersebut, penyelidik Muslim mempunyai jalan dan ruang yang lebih luas dalam bidang penyelidikan. Islam secara jelas mengiktiraf penyelidikan saintifik yang menggabungkan kebenaran yang diperolehi oleh akal (logik) dan pancaindera (empirikal) bahkan menuntut agar kedua-duanya dimanfaatkan secara optimum. Pada masa yang sama, penyelidik Muslim wajib mengambilkira sumber wahyu sebagai pemutus. Penyelidik Muslim juga diberi pilihan sama ada ingin memanfaatkan sumber ilham atau intuisi dalam penyelidikan atau tidak. Walau bagaimanapun, perlu ditegaskan bahawa semua penyelidikan dalam Islam tidak sekali-kali boleh bercanggah dengan prinsip-prinsip wahyu yang telah mampan.

Justeru, dalam konteks metodologi penyelidikan, Islam menerima semua bentuk pendekatan dan metode asalkan ia tidak membawa kerosakan kepada dunia dan kehidupan manusia serta tidak bertentangan dengan perintah dan batasan yang telah ditetapkan oleh al-Quran dan sunah. Di samping itu, pendekatan dan metode yang digunakan mestilah sesuai dengan bidang keilmuan yang ingin dikaji dan semuanya mesti berada dalam kerangka pandangan alam Islam. Kegagalan untuk mematuhi perkara tersebut akan menjadikan aktiviti penyelidikan terkeluar dari pengertian ibadah. Penyelidikan Islam mempunyai dimensi moral yang bersandarkan agama. Ini bermakna penyelidikan tidak akan bebas nilai (*value free*), malahan suatu strategi yang mementingkan prinsip moral dalam andaian ontologi dan epistemologinya. Tidak bebas nilai di sini bukan bermaksud tidak objektif dan bias tetapi logik pemikiran dan pengalaman manusia perlu sentiasa dibimbing oleh prinsip wahyu yang datangnya dari Maha Benar (Osman Bakar 1991).

Cadangan Asas Ke Arah Pembinaan Penyelidikan Islam Bersepadu

Penulisan ini akan mengemukakan beberapa cadangan asas untuk membina kaedah penyelidikan Islam bersepadu dengan memulakananya dengan menghuraikan konsep dan tujuan penyelidikan yang seharusnya diusahakan.

Konsep Penyelidikan Islam Bersepadu

Konsep penyelidikan Islam bersepadu adalah suatu usaha mencari jawapan dan kebenaran kepada sesuatu persoalan dengan menggunakan kaedah yang sistematik, boleh dipercayai dan sah serta berdasarkan bukti-bukti yang sahih sama ada bersifat empirikal (pengalaman), rasional (hujah aqliyah) mahupun hujah naqliyah yang berada dalam kerangka mematuhi tasawwur Islam atau pandangan alam Islam. Hasil yang diperolehi seharusnya tidak bertentangan dengan pedoman wahyu, memberi manfaat dan tidak memudaratkan serta mendekatkan manusia kepada Tuhan.

Tujuan Penyelidikan Islam Bersepadu

Keberanian sebagai tujuan yang ingin diperolehi daripada sesuatu penyelidikan itu bersifat hierarki. Tujuan penyelidikan Islam bersepadu bergantung kepada kategori ilmu yang diwakili. Tujuan penyelidikan dalam bidang sains wahyu adalah untuk menentukan nilai normatif dalam Islam (mencari hukum yang paling tepat). Manakala tujuan penyelidikan dalam bidang sains sosial dan kemanusiaan adalah untuk mengetahui kebenaran atau memahami realiti kehidupan manusia dalam tempoh yang dikaji. Tujuan penyelidikan dalam bidang sains tabii pula adalah untuk memahami alam atau peraturan sunnatullah dan memanfaatkannya untuk kehidupan manusia sejagat. Jika dibanding dan disusun keutamaannya, kebenaran wahyu adalah kebenaran tertinggi. Semua taraf serta nilai kebenaran lain (keberanian indera, kebenaran ilmiah dan kebenaran falsafah) berada di bawah kebenaran ini. Seluruh tingkatan pengalaman manusia dalam dunia penyelidikan iaitu pengalaman inderawi, akali dan falsafi terhimpun pada puncak kesedaran agama yang terkandung di dalamnya tujuan hidup dan makna sebenar kehidupan manusia.

Konsep Penyelidikan Islam Bersepadu Menurut Jabatan Sains Kemanusiaan (JSK), Universiti Malaysia Kelantan (UMK)

Jabatan Sains Kemanusiaan (JSK), Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah Universiti Malaysia Kelantan PBI, UMK telah mengambil inisiatif mengadakan beberapa siri perbincangan yang serius dan satu persidangan pada tahun 2018 hasil dari resolusi program Wacana Bersama Tokoh 2017 untuk membina satu konsep penyelidikan Islam. Berdasarkan usaha-usaha yang telah dilakukan, satu cadangan konsep mengenai penyelidikan Islam bersepadu telah dihasilkan. Usaha ini belum sempurna dan masih memerlukan input dan penambahbaikan untuk menjadikannya lebih baik.

Penyelidikan Islam bersepadu menurut JSK adalah suatu kaedah untuk mencari kebenaran dengan mengiktiraf semua sumber ilmu yang diiktiraf dalam tradisi Islam secara berhierarki dan menyepadukan sumber naqli dan aqli dengan menjadikan pedoman wahyu sebagai teras dan pemutus. Semua proses tersebut dilaksanakan berdasarkan kerangka tasawwur Islam untuk mencari keredaan Allah dan memberi manfaat kepada umat Islam secara khusus dan manusia sejagat secara amnya. Penyelidikan berteraskan Islam menerima konsep saintifik yang diperbaharui semula maknanya iaitu penyelidikan yang bersifat objektif (berasaskan pembuktian, penghujahan dan pengadilan terhadap kebenaran objek kajian), tidak berasaskan taklid dan meletakkan semua perkara pada tempatnya yang paling wajar. Konsep objektiviti yang dipegang tidak menjadikan penyelidik bersifat bebas nilai bahkan menjunjung tinggi pegangan agama dan konsep kebenaran, berintegriti dan mempunyai prinsip hidup yang kukuh. Matlamat penyelidikan Islam bersepadu adalah untuk mencari kebenaran, berpegang teguh kepadanya dan menyebarkannya untuk membentuk korpus ilmu baharu yang mematuhi prinsip tauhid. Untuk menjadikan sesuatu penyelidikan mematuhi pandangan alam Islam, beberapa syarat perlu dipenuhi dan syarat pertama adalah penyelidiknyanya mestilah mempunyai kelayakan dengan maksud memenuhi beberapa kriteria berikut:

- i. Kepercayaan yang teguh kepada agama
- ii. Kelayakan bertindak (mukallaf)
- iii. Adil dan berakhlak dengan nilai-nilai Islam
- iv. Berkemampuan menjalankan penyelidikan

Jika syarat tersebut tidak dipenuhi, maka penyelidikan berteraskan Islam tidak dapat dijalankan.

Untuk melaksanakan konsep penyelidikan Islam bersepadu menurut perspektif JSK UMK, kami bahagikan penyelidikan tersebut kepada tiga komponen iaitu rekabentuk kajian, metodologi kajian (pengumpulan dan penganalisan data) serta perbincangan dapatan dan rumusan kajian. Perbincangan akan dilakukan berdasarkan proses dan komponen sesuatu penyelidikan dilaksanakan. Secara umumnya proses dan komponen penyelidikan Islam bersepadu dan penyelidikan lazimnya mempunyai beberapa persamaan dan perbezaan. Walau bagaimanapun, dalam penulisan ini, fokus hanya diberikan kepada aspek perbezaan sahaja untuk menjadikannya lebih jelas.

Komponen 1: Rekabentuk Kajian

Kenalpasti Permasalahan Kajian dan Skop Penyelidikan

Permasalahan kajian dalam penyelidikan Islam bersepadu perlu dilihat dari perspektif Islam dan solusinya seharusnya memberi kebaikan kepada umat Islam serta manusia sejagat. Permasalahan yang tidak bercanggah dengan Islam akan diteruskan. Manakala permasalahan yang bercanggah dengan prinsip Islam perlu dihentikan serta-merta. Dalam hal ini, penyelidik disaran untuk melaksanakan proses *al-taswir*. *Al-taswir* adalah satu proses mendapatkan gambaran umum tentang sesuatu permasalahan dengan mengumpulkan data berkaitan isu dan permasalahan yang akan dikaji. Proses ini mempunyai lapan aspek iaitu *al-dabit al-ma'lumati* (pengumpulan maklumat), *su'al ahl al-takhsis* (temu bual pakar), *al-dabit al-tahlili* (analisis), *al-dabit al-makan wa al-zaman* (tempat dan masa), *al-itlaq 'ala 'awamil taghyir al-ahkam* (meneliti faktor-faktor yang mengubah sesuatu hukum), *al-dabit al-daruriyyat* (keperluan), *al-dabit al-tarawwi* (pertimbangan), dan *isti'anah bi mu'tayat al-'asr* (bantuan maklumat dan teknologi semasa) (Muhammad 'Abd al-Latif al-Bana, 2010).

Penetapan Tujuan, Objektif dan Persoalan Kajian

Penyelidikan Islam bersepadu memerlukan tujuan penyelidikan yang jelas, terarah dan padat. Diikuti pula dengan pernyataan objektif kajian yang bersesuaian dan berkesinambungan dengan persoalan kajian. Ketiga-tiga aspek ini seharusnya saling berhubungan dan paling penting dilihat dari sudut pandangan alam Islam. Tujuan tersebut seharusnya bermanfaat untuk perkembangan ilmu, memberi faedah kepada umat Islam dan manusia sejagat.

Kerangka Teoritikal dan Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual (*conceptual framework*) dan kerangka teoritikal (*theoretical framework*) adalah rangka kajian yang menggambarkan keseluruhan kajian yang akan dibuat. Kerangka konseptual mengandungi gambar rajah grafik yang dilukis bagi menggambarkan hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah kajian. Manakala kerangka teoritikal pula hanya mengandungi aliran atau susunan teori-teori yang digunakan dalam sesuatu kajian. Penyelidikan dalam bidang pengajian Islam jarang menggunakan aplikasi teori dan hipotesis. Walau bagaimanapun, dalam bidang ilmu sains aqli khususnya sains sosial dan kemanusiaan, penyelidik secara umumnya banyak menggunakan teori dan konsep-konsep yang sarat dengan nilai-nilai Barat. Penyelidik muslim perlu lebih berhati-hati dalam menggunakan teori tersebut supaya tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip ajaran Islam. Di sinilah terletaknya kepentingan untuk pengkaji Muslim mempunyai tasawwur Islam yang jelas dan melihat teori-teori tersebut mengikut kerangka pandangan alam Islam. Adalah dicadangkan agar penyelidik Muslim membina sendiri kerangka teoritikal atau kerangka konseptual daripada kajian literatur (turath) atau mengubahsuai model atau teori yang sedia ada agar selari atau patuh kepada pandangan alam Islam. Kerangka teori penyelidikan berteraskan Islam bermaksud kerangka teori yang dibangunkan menurut perspektif wahyu (al-Quran dan sunah), ijtihad para

ulama dan teori-teori yang telah diuji dan dibina oleh mereka yang pakar dan berautoriti dalam bidang berkenaan.

Tinjauan Literatur/Ulasan Kepustakaan

Tinjauan literatur atau ulasan kepustakaan adalah satu penulisan ilmiah daripada kajian-kajian lepas atau tulisan dari pelbagai sumber yang ada hubungkaitannya dengan tajuk yang ingin dikaji. Tinjauan literatur atau ulasan kepustakaan dalam penyelidikan Islam bersepadu perlu melalui tiga proses berikut:

a) Tinjauan literatur dari perspektif wahyu

Dicadangkan agar penyelidik melaksanakan langkah-langkah berikut:

- i. Berinteraksi dengan sumber al-Quran.
- ii. Berinteraksi dengan sumber hadis.
- iii. Berinteraksi dengan hasil-hasil penulisan tokoh cendekiawan muslim klasik dan kontemporari.
- iv. Bina kerangka teoritikal atau kerangka konsep yang bersesuaian.

b) Tinjauan literatur dari perspektif konvensional

Dalam ulasan ini, penyelidik seharusnya menganalisis kesemua penulisan atau penyelidikan berkaitan sebelumnya secara sistematik dan kritikal berdasarkan pandangan alam Islam.

c) Sintesis tinjauan literatur warisan Islam dan tinjauan literatur konvensional

Akhir sekali, penyelidik disaran untuk menggabung atau mensintesis kedua-dua tinjauan literatur tersebut untuk dimanfaatkan dan dijadikan sebagai asas yang kukuh dalam penyelidikan samada dalam bentuk kerangka teoretikal atau kerangka konseptual baharu yang dapat memberi gambaran keseluruhan penyelidikan. Fasa ini sangat penting dan kritikal. Melalui ulasan kepustakaan, penyelidik akan memperolehi maklumat yang lengkap dan gambaran yang menyeluruh mengenai penyelidikan-penyelidikan berkaitan (perspektif Islam dan konvensional) yang telah dijalankan sebelumnya bagi membantu perjalanan penyelidikan yang dirancang. Ia juga dapat membantu penyelidik menentukan kepentingan dan signifikan penyelidikan yang hendak dijalankan serta dapat mengenal pasti batasan kajian dan arah tuju penyelidikan. Justeru, ulasan kepustakaan berperanan sebagai panduan kepada penyelidik untuk mengetahui tentang apa yang perlu diselidik, data yang perlu dikumpul dan jenis analisis yang perlu digunakan dalam kerangka pandangan alam Islam.

Komponen 2 : Metodologi Kajian

Komponen ini terdiri daripada tiga bahagian utama iaitu pemilihan metodologi, pengumpulan data dan penganalisisan data.

Pemilihan Metodologi Atau Reka Bentuk Penyelidikan

Metodologi penyelidikan Islam bersepadu menggunakan epistemologi Islam dengan mengambil pendekatan holistik dan menyepadukan prinsip saintifik yang telah diperbaharui dan prinsip kemanusiaan dalam kerangka ontologi dan epistemologinya yang tersendiri. Pendekatan holistik ini menggunakan prinsip Rabbani (ketuhanan) dalam menghadapi persoalan alam (sains tabii) dan manusia (sains kemanusiaan). Prinsip ini mengiktiraf kuasa Tuhan sebagai Rabbul 'Alamin atau 'Penguasa dan Pentadbir alam' dalam memahami prinsip saintifik. Islam menentang penerimaan hukum sebab-akibat yang aktif dengan

sendirinya (*self-activating*) dan bersifat mutlak yang terpisah dari kekuasaan Tuhan serta melihatnya sebagai *sunnatullah* (Abdul Rahman Abdullah 2005). Dengan lain perkataan, penyelidikan Islam bersepadu menggunakan konsep 'total reality'.

Berdasarkan fahaman tersebut, penyelidik boleh memilih apa jua pendekatan dan reka bentuk penyelidikan yang bersesuaian dengan epistemologi Islam dan objektif yang ditetapkan samada pendekatan kuantitatif, kualitatif atau gabungan kualitatif-kuantitatif. Penyelidik juga boleh memilih apa jua kaedah yang difikir paling sesuai dengan objektif kajian. Tiada isu pendekatan manakah yang paling baik atau Islamik kerana metodologi penyelidikan Islam bersepadu menerima semua bentuk pendekatan dan metode asalkan kesemuanya berada dalam kerangka pandangan alam Islam.

Setiap bidang ilmu mempunyai kaedah penyelidikannya yang tersendiri. Penyelidikan dalam bidang agama juga mempunyai kaedah penyelidikannya yang tersendiri. Sebagai contoh, penyelidikan dalam bidang tafsir, hadis atau hukum mempunyai pengkaedahannya yang tersendiri. Demikian juga, tabiat dan bentuk penyelidikan bagi bidang sains sosial tidak sama dengan sains tabii dan setiapnya memerlukan metodologi yang bersesuaian dengan keperluan masing-masing. Pun begitu, pertindanan kaedah boleh berlaku antara pelbagai disiplin ilmu mengikut keperluan dan kesesuaian konteks. Umumnya, ilmu sains tabii dan sains gunaan banyak menggunakan penyelidikan saintifik yang melibatkan pemikiran logik dan pemerhatian empirikal dalam makmal. Ilmu sains sosial dan kemanusiaan pula mempunyai kaedah penyelidikannya yang tersendiri yang sebahagiannya juga mengaplikasikan penyelidikan bersifat saintifik meskipun tidak secara mutlak. Secara keseluruhannya, penyelidik muslim boleh memilih apa jua pendekatan dan kaedah yang bersesuaian selagi mana ia berada di dalam kerangka ontologi dan epistemologi Islam. Ringkasnya, semua penyelidikan sama ada dalam bidang pengajian Islam, bidang sains sosial, bidang sains tabii atau sains terapan adalah penyelidikan Islam bersepadu jika ia mematuhi kesemua syarat-syarat yang telah dinyatakan. Bahkan tuntutan masa kini menjadikan penyelidikan Islam bersepadu yang bersifat multidisiplin, interdisiplin atau transdisiplin menjadi sangat penting dan signifikan.

Kaedah Pengumpulan Data

Dalam proses pengumpulan data, seseorang penyelidik diminta untuk mengutamakan empat aspek berikut iaitu kewujudan data, kesahan data, kecukupan data dan ketepatan data. Dalam penyelidikan Islam bersepadu, data primer adalah lebih utama berbanding data sekunder. Shariat Islam meletakkan hierarki yang berbeza kepada setiap sumber dan kekuatan dalil. Turutan keutamaan sumber dalil dalam Shariat Islam bermula dengan al-Quran, kemudiannya diikuti oleh al-Sunah, ijmak dan qiyas dan seterusnya beralih kepada dalil-dalil yang tidak disepakati seperti *istihsan*, *istishab*, *masalih al-mursalah*, *'urf* dan sebagainya. Ringkasnya, dalil naqli diutamakan daripada dalil aqli.

Perkara yang paling asas di sepanjang proses pengumpulan data ialah tatalaku atau akhlak penyelidik mestilah selaras dengan ajaran Islam. Aspek penting yang wajar diambil berat oleh penyelidik dalam proses pengumpulan maklumat dalam penyelidikan Islam bersepadu ialah menggunakan bahasa yang tepat dan mengambil kira kualiti responden (bertemu muka, mempunyai saksi), bersifat adil (Islam, mukallaf, berakal, melaksanakan asas agama, memelihara maruah) dan bersifat dabit (hafalan yang baik, mampu menyampaikan apa yang dihafal dengan baik, terhindar dari kejanggalan dan kecacatan). Selepas pengumpulan data, penyelidik muslim disarankan agar melakukan praanalisis (analisis tekstual dan analisis

kandungan) dan menerima kepelbagaian bentuk output data (dabit sadri dan kitabi) dan juga dalam bentuk moden. Semua bentuk data diterima sama ada bersifat kuantitatif, kualitatif atau gabungan antara kedua-duanya dengan syarat ia mematuhi kesemua syarat-syarat atau kriteria yang telah ditetapkan. Kaedah pengumpulan data juga mestilah sesuai dengan objektif dan keperluan kajian dan mengambilkira kesahan dan kebolehpercayaan data.

Kaedah Penganalisan Data

Analisis data menurut perspektif penyelidikan Islam bersepadu dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu analisis data pengkhususan *turath*, analisis data kuantitatif dan analisis data kualitatif.

a) Analisis data pengkhususan *turath*

Analisis data pengkhususan *turath* adalah analisis himpunan ‘data’ dalam bidang pengajian Islam yang bersifat pengkhususan. Analisis data kategori ini bergantung kepada bidang pengkhususan masing-masing kerana setiapnya mempunyai kaedah yang tersendiri. Sebagai contoh, analisis data dalam bidang syariah penfatwaan mengaplikasikan proses al-hukm iaitu data yang menggunakan kaedah Usul al-Fiqh seperti *istinbati*, *istiqrā’i*, *istirdadi* dan *jadali*. Pendekatan umum yang sering digunakan untuk menganalisis data pengkhususan *turath* ialah kaedah umum induktif (*istiqrā’*), deduktif (*istinbat*) dan kaedah komparatif. Terdapat juga sebahagian pengkaji menggunakan kaedah analisis kritis terhadap data yang diperolehi seperti kaedah tahqiq kitab atau manuskrip lama.

b) Analisis data kuantitatif

Penyelidikan Islam bersepadu menerima data yang berbentuk kuantitatif. Penggunaan algebra dan matematik statistik adalah alat analisis data yang diperakui dalam penyelidikan Islam bersepadu. Statistik dibahagikan kepada dua bahagian iaitu statistik deskriptif (seperti mod, median, min, sisihan piawai dan sebagainya) dan statistik inferensi (seperti ujian-t, ujian khi-kuasa dua, kolerasi, regresi, ANOVA, MANOVA dan MANCOVA). Hipotesis yang dibina berdasarkan kerangka teoritikal/kerangka konseptual berasaskan pandangan alam Islam perlu disahkan melalui penyelidikan saintifik dengan pengertiannya yang baharu. Ia boleh dilakukan melalui langkah-langkah berikut:

- i. Ujian hipotesis. Hipotesis yang diperolehi dari kerangka teori bersepadu perlu diuji secara “realiti total” dengan mengakui hubungan antara aspek fizikal dan metafizikal.
- ii. Jika hipotesis dari kerangka teori bersepadu diterima, ia bermakna keyakinan terhadap kerangka teori meningkat dan menjadi fakta yang sah.
- iii. Jika hipotesis ditolak, ia bermakna kefahaman atau interpretasi terhadap kerangka teori adalah salah dan perlu dikaji semula atau metode dan prosedur penyelidikan perlu disemak dan diperbaiki semula.
- iv. Tiada pertentangan antara wahyu dan akal. Kedua-duanya datang dari Allah dan tidak mungkin ada pertentangan antara keduanya.

c) Analisis data kualitatif

Penyelidikan Islam bersepadu juga menerima data yang berbentuk kualitatif sama ada dari rekod pemerhatian, temu bual atau dokumen. Semua data kualitatif perlu dianalisis secara naratif. Data kualitatif dari sumber dokumen yang dimaksudkan di sini adalah dokumen yang tidak diterbitkan seperti laporan kes mahkamah, rekod polis, minit mesyuarat dan seumpamanya. Oleh itu, data yang bersifat teks al-Quran, hadis atau kitab-kitab *turath* atau sumber data sekunder (tesis, buku, jurnal dan seumpamanya yang disorot dalam kajian literatur) dikeluarkan dari konteks analisis kualitatif. Proses analisis data kualitatif bermula

daripada melihat, menyusun, menyaring, memilih, mengelas dan mengekod tema-tema serta kemudiannya memilih kategori. Mohd Syahmi (2013) telah mencadangkan agar dua elemen *dilalat* iaitu *mafhum muafakat* dan *mafhum mukhalafat* digunakan dalam menganalisis data kualitatif berasaskan teks. Beliau juga mencadangkan empat langkah dalam membuat kesimpulan daripada teks atau analisis tekstual iaitu:

- i. Mengenal pasti pernyataan-pernyataan yang relevan
- ii. penafsiran pernyataan
- iii. penjelasan (ta'lil) pernyataan
- iv. penetapan kaedah dan konsep umum

Komponen 3 : Perbincangan Dan Rumusan

Komponen ini adalah bahagian yang paling dinanti-nantikan dalam sesebuah penyelidikan. Dalam konteks penyelidikan, dapatan kajian, rumusan, implikasi dan cadangan adalah perkara yang amat penting dan dianggap sebagai hasil sebenar kepada sesuatu penyelidikan. Ia adalah intipati penyelidikan yang perlu diletakkan pada tempatnya yang paling tepat. Kebenaran tersebut secara umumnya wajar untuk dibentangkan dengan tujuan untuk disebar dan dimanfaatkan oleh pelbagai pihak atau pihak-pihak tertentu yang bersesuaian. Walau bagaimanapun, rumusan dan kesimpulan yang diperolehi perlu disaring sekurang-kurangnya dengan tiga perkara iaitu ketepatan dengan prinsip dan *maqasid syar'iah*, bersesuaian dengan *'urf* dan mempunyai masalah (kepentingan) kepada masyarakat Islam secara umum (Muhammad Abd al-Aziz Mahmud, 2009). Penelitian ini menjamin rumusan tersebut adalah tepat dengan syariat Islam dan tidak membawa kepada kemudaratan sekiranya dimuktamadkan dalam laporan kajian.

Penyelidikan, Kebenaran Dan Keberkatan Ilmu

Kebenaran adalah matlamat sesuatu penyelidikan. Benar adalah salah satu daripada sembilan puluh sembilan nama Allah yang indah. Benar juga adalah ciri utama kepada ilmu itu sendiri. Kebenaran yang ditemui daripada penyelidikan adalah satu rahmat dari Tuhan untuk manusia. Padanya ada keberkatan yang banyak. Tanda keberkatan pada penyelidikan ialah hasilnya mendekatkan penyelidik dan manusia lain kepada Allah. Melaluinya kebenaran Islam semakin terserlah dan iman juga semakin meningkat. Tanda lain keberkatan penyelidikan ialah rumusan yang diperolehi memberi manfaat kepada umat manusia keseluruhannya. Melalui hasil penyelidikan tersebut, dunia dan kehidupan manusia menjadi lebih baik. Hasil penyelidikannya juga mengukuhkan lagi lima objektif maqasid syariyyah. Hasil penyelidikan ini akhirnya diangkat menjadi sebahagian ilmu yang meluaskan lagi skop bidang ilmu berkenaan yang tunduk kepada prinsip tauhid. Ilmu ini jika dipelajari dengan nawaitu yang betul akan menjadikan penuntutnya manusia yang baik bahkan memberi kebaikan kepada orang lain atau memperbaiki manusia dan alam.

Untuk mencari keberkatan dalam penyelidikan, hasil penyelidikan yang diperolehi bukan semata-mata untuk mencapai KPI yang telah ditetapkan. Bukan juga untuk tujuan pengkomersialan yang mendatangkan keuntungan ekonomi yang banyak atau mendapatkan pengiktirafan atau penganugerahan dari pelbagai pihak. Jika itu diletakkan sebagai yang paling utama, maka keberkatan penyelidikan akan hilang. Hasil kajian adalah amanah kebenaran yang perlu disebar dan dimanfaatkan. Ia bukan satu kemuliaan untuk dibanggakan. Justeru, antara syarat terpenting untuk mencapai keberkatan penyelidikan dan keberkatan ilmu, penyelidik mestilah memulakan penyelidikan dengan niat yang benar, jelas dan tulus. Niat yang benar ini perlu dijaga di sepanjang perjalanan penyelidikan di samping menjaga akhlak dan adab serta etika penyelidikan. Keberkatan inilah yang semakin sirna

dalam dunia penyelidikan dan perlu diangkat semula sebagai satu tema utama dalam pencarian ilmu dan kebenaran penyelidikan.

Kesimpulan

Penyelidikan Islam bersepadu bukanlah penyelidikan kaedah gabungan (*mixed-methods*) atau gabungan antara kualitatif dan kuantitatif. Penyelidikan Islam bersepadu juga bukan penyelidikan yang merangkumi pelbagai disiplin ilmu tanpa hierarki (seperti multidisiplin/ interdisiplin/ transdisiplin) atau penyelidikan yang merangkumi pelbagai perspektif di dalam satu kajian. Meskipun penyelidikan kaedah gabungan mempunyai pelbagai kekuatan dengan pelbagai reka bentuk (seperti reka bentuk triangulasi, bertindan, penjelasan, penerokaan, selari dan transformatif), ia masih tidak memenuhi kesemua kriteria penyelidikan Islam bersepadu. Kaedah penyelidikan Islam bersepadu juga bukan sekadar menggabungkan kaedah penyelidikan Islam klasikal dengan kaedah penyelidikan saintifik moden secara longgar. Kaedah penyelidikan Islam yang tepat seharusnya mematuhi kesemua prinsip-prinsip asas sebagaimana berikut:

- 1) Penyelidikan yang berasaskan tasawwur Islam atau pandangan alam Islam dan bersumberkan epistemologi Islam (pedoman wahyu membimbing proses penalaran/ pemikiran manusia).
- 2) Penyelidikan yang memberi kebaikan kepada umat Islam dan manusia sejagat serta selaras dengan *maqasid al-syari'yyah*.
- 3) Penyelidikan dilaksanakan dengan akhlak Islam dan nawaitu yang sah.

Cadangan penyelidikan Islam bersepadu yang dikemukakan masih jauh dari sempurna. Penulisan ini berusaha untuk meletakkan prinsip-prinsip asas yang perlu dipatuhi oleh setiap penyelidik yang ingin melaksanakan konsep penyelidikan Islam bersepadu. Adalah menjadi harapan penulis agar penulisan ini dapat ditambah baik dan merangsang lebih ramai pihak untuk menghasilkan model penyelidikan Islam yang lebih bermutu pada masa hadapan.

Rujukan

- Adi Setia. 2010. Kesalingkaitan antara agama dan sains : ke arah meletakkan semula sains dan teknologi di bawah pengarah shariah Islamiah. Dalam Islam dan sains dalam pembangunan tamadun. Penyusun. Azizan Baharuddin dan Shamsuddin Moner. Kuala Lumpur : Universiti Malaya
- Abdul Rahman Haji Abdullah. (2005). *Wacana falsafah ilmu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali. 2016. *Kaedah penyelidikan sosial daripada perspektif Islam*. Bangi : Penerbit UKM
- Ahmad Sunawari Long. 2015. *Metodologi penyelidikan pengajian Islam*. Bangi : Penerbit UKM
- Aidit Ghazali & Ahmad Syahir Sarani. 2014. Manual penyelidikan secara Islam. Selangor : Institut Perkembangan Minda (INMIND)
- Fazlur Rahman Faridi. (1994). Islamic research methodology; some reflection. Dlm. Mohammad Muqim (ed), *Research Methodology In Islamic Perspective*. New Delhi: Institute of Objective Studies.
- Hamid Fahmy Zarkasyi. (2012). *Misykat; refleksi tentang westernisasi, liberalisasi dan Islam*. Jakarta: INSISTS
- Hamid Fahmy Zarkasyi. 2005. Worldview sebagai asas epistemology Islam. *Islamia*, Vol II No35. April 9-20.

- Ibrahim A. Ragab. (2006). The methodology of Islamizing human science. Dlm. Mohd Yusof Hussain (pnyt.) (2006). *Islamization of human sciences*. Kuala Lumpur : Research Centre IIUM.
- Ibrahim, A. Ragab. (1995). On the nature and scope of the Islamization process ; toward conceptual clarification. *Intellectual Discourse*, 3(2) : 113-122.
- Ibrahim A. Ragab. (1998). On the methodology of Islamization of the social sciences. Kertas kerja International Conference of Sociology and Anthropology. International Islamic University Malaysia, Kuala Lumpur.
- Louay Safi. (1998). *Asas ilmu pengetahuan : satu kajian perbandingan kaedah-kaedah penyelidikan Islam dan Barat*. Terj. Nur Hadi Ihsan. Selangor : Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Mohd Syahmi Mohd Miswan. (2013). Aplikasi Dilalat dalam kaedah penyelidikan berteraskan Islam. Kertas kerja dalam International Islamic Development Management Conference (IDMAC), Universiti Sains Malaysia, 9-10 Disember 2013.
- Mohd Syahmir Alias. (2015). *Ibn al-Haytham; pelopor konsep penyelidikan saintifik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Syukri Hanapi. (2014). Tasawur pembangunan berteraskan Islam. Dlm. Wan Norhaniza Wan Hasan. (pnyt.). *Ukuran pembangunan ; pendekatan kapitalis dan Islami.*, hlm. 59-85. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Anwar. (1994). *Research methodology in Islamic perspective*. Dlm. Mohammad Muqim (ed), *Research Methodology In Islamic Perspective*. New Delhi: Institute of Objective Studies.
- Mohammad Muqim. (peyt.). 1999. *Research methodologi in Islamic perspective*. Kuala Lumpur : Synergy Book International
- Mohammad Rafiuddin. (1999). The meaning and purpose of Islamic research. Dlm. Mohammad Muqim (ed), *Research Methodology In Islamic Perspective*. New Delhi: Institute of Objective Studies.
- Muhammad ibn Abd al-Latif Mahmud al-Bana. (2010). *Taswir al-Nazilah Dirasah Fiqhiyyah Tatbiqiyyah*. Riyad: Jamiah Muhammad ibn Saud al-Islami.
- Muhammad Mumtaz Ali (ed) (1996). Conceptual and Methodological Issues in Islamic Research: A Few Milestones. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Muhammad Mumtaz Ali. 2008. Islamic critique of conventional research methodologies. Kertas kerja dalam Wacana Penyelidikan ISDEV. Universiti Sains Malaysia, 12 Disember 2007.
- Muhammad Syukri Saleh. (2008). *Kaedah penyelidikan berteraskan Islam; keperluan, kedudukan dan halatuju*. Dlm. Pemikir 54, hlm. 133-164, Oktober-Disember 2008.
- Muhammad Syukri Saleh. (2011). *Ke arah pembinaan kaedah penyelidikan berteraskan Islam*. Dlm. Zakaria Bahari, Fadzila Azni Ahmad dan Roselee Shah Shararudin (ed). 2011. *Pengurusan ilmu, ekonomi dan pembangunan berteraskan Islam*. Pulau Pinang : Penerbit Universiti Sains Malaysia. .
- Osman Bakar. (1991). *Tawhid and science : essays on the history and philosophy of Islamic science*. Pulau Pinang: Secretariat for Islamic Philosophy and Science.
- Shahir Akram Hassan. (2013). Penerapan kaedah pengumpulan hadith dalam penyelidikan. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuddin. (2014). Aplikasi proses penfatwaan dalam kaedah penyelidikan berteraskan Islam. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia.